

**FIQAH MUSLIMAH DARI PERSPEKTIF AGAMA DAN MEDIK.** Oleh Ustazah Dr Nor Zatu Amni Mohamad. Penerbit Telaga Biru Sdn Bhd, Kuala Lumpur. 2021. Halaman 252. ISBN 978-967-388-709-5.

Buku Fiqah Muslimah Dari Perspektif Agama dan Medik ini yang dikarang oleh Ustazah Dr Nor Zatu Amni Mohamad dengan penulis bersamanya ialah Dr Suhazeli Abdullah dan Ustaz Nazrul Affandi Jani. Buku ini adalah sebuah buku yang membincangkan tentang isu dan kupasan yang sering diwacanakan atas kesedaran peri pentingnya usaha meningkatkan ilmu ibadat yang lebih baik dan berkesan. Walaupun isu yang dibincangkan bersifat ilmiah, namun formatnya disusun secara separa ilmiah di mana sebahagiannya mempunyai sumber-sumber rujukan yang lengkap manakala sebahagian yang lain tidak. Buku ini juga dilihat tidak mengikut format khas. Selain itu, ia juga bersifat informatif dan kreatif memberi alternatif kepada pembaca. Persembahan ini menyebabkan buku ini mampu menarik minat serta sesuai dibaca oleh masyarakat awam dengan sedikit penambahbaikan.

Memahami dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam seluruh aspek kehidupan adalah satu usaha yang cukup mencabar. Buku fiqh Muslimah ini menyentuh isu-isu terkini dan sering diwacanakan. Berlatarbelakangkan kelas pengajian fiqh yang dikelolakan oleh penulis mula mencari ruang untuk menyalurkan pelbagai jawapan bagi persoalan kontemporari yang dihadapi kaum Hawa dari sudut pandang ahli agama yang diasimilasikan dengan sudut pandang ahli perubatan. Oleh itu, penghasilan buku ini sedikit sebanyak dapat membantu para pembaca menerusi kecenderungan pendapat penulis setelah melakukan kajian dan penelitian sebagai garis panduan.

Antara keistimewaan buku ini ialah penulis utamanya merupakan seorang wanita. Justeru buku ini dapat menampung kelompongan pada buku fiqh Muslimah karangan penulis lelaki yang mungkin terlepas isu-isu berkaitan kewanitaan. Buku ini menjawab persoalan seharian dan isu semasa yang tidak lepas daripada unsur mitos menerusi penjelasan keagamaan serta perubatan. Walaupun sudah mencapai era digitalisasi, masyarakat awam masih mudah untuk mempercayai mitos dan salah faham berkaitan kesihatan semasa. Walaupun isinya ringkas, tetapi amat padat sebagai permulaan bagi memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam.

Selain itu, buku ini juga mengandungi gambar rajah, imej dan infografik untuk memudahkan pemahaman. Contohnya penulis turut memuatkan imej anggota dalaman wanita bagi menjelaskan isu-isu berkaitan pada halaman 10,12,13,14,15 dan 16. Penulis turut memuatkan jadual bagi menjelaskan hal yang berkaitan, seperti pada halaman 18,19,77,155 dan 166. Kebiasaannya buku fiqh Muslimah terdahulu hanya mempunyai dalil, contoh lampau dan huraian. Selain kurang menarik minat pembaca awam, buku sedemikian juga dianggap berat kerana dipenuhi dengan aksara dan dalil semata-mata selain contoh yang diutarakan ada kalanya sudah tidak relevan dengan keadaan masa kini.

Penggunaan laras bahasa penulisan juga bersesuaian untuk bacaan umum. Penerangan yang jelas dan mudah difahami merupakan kelebihan yang ada pada buku ini. Ayatnya yang ringkas dan tidak meleret-leret memudahkan pembaca untuk memberi tumpuan kepada perbincangan yang diutarakan. Sesetengah perkataan khas dalam fiqh diterangkan secara ringkas bagi memudahkan pembaca memahami perkara yang dibincangkan. Dalil-dalil al-Qur'an dan hadis serta pendapat ulama dan fatwa yang dimasukkan menjadi sandaran kukuh bagi merujuk tentang sesuatu isu yang dibincangkan. Jenis tulisan dan saiz tulisan yang digunakan bersesuaian dengan buku selain kertas yang digunakan berkualiti dan tidak berat untuk dibawa

ke mana-mana. Kulit muka hadapannya memaparkan tajuk serta gambar al-Quran dan stetoskop simbolik kepada fiqh Muslimah dan perubatan adalah menarik dan tidak berlebihan. Susun atur penulisannya kemas dan setiap bab baharu akan dimulakan pada halaman yang baharu.

Secara keseluruhannya buku ini mengandungi 9 bab. Setiap bab akan dimulakan pada halaman yang baharu. Apa yang istimewa ialah buku ini dimulai dengan pendahuluan yang menarik. Pada bahagian pendahuluan, penulis mengupas perkara asas iaitu kelebihan menuntut ilmu disertai dalil dari al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya penulis memasukkan gesaan supaya belajar dan bertanya kepada yang ahli. Penulis turut menceritakan pengalamannya ketika belajar dalam memahami permasalahan fiqh Muslimah lebih-lebih lagi yang menjurus isu kesihatan dan perubatan. Penulis juga memaparkan dua penghalang besar bagi penuntut ilmu iaitu sifat malu dan sifat sombong. Kedua-dua sifat ini perlu dikikis untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan fiqh Muslimah. Sebagai penutup dalam pendahuluan, penulis merakam ucapan terima kasih kepada para guru yang pernah mendidiknya. Penulis juga mendoakan agar pembaca yang terus menuntut ilmu dipermudahkan urusan untuk menempuh jalan ke syurga. Hal ini perlu dijadikan contoh oleh penuntut ilmu dan penulis lain dalam mencari keberkatan menuntut dan menyampaikan ilmu, ilmu yang dituntut dan yang disampaikan.

Dalam bab pertama penulis membincangkan hal berkisar air mani dan air mazi serta khitan wanita. Bab ini membincangkan perihal *taharah* iaitu kewujudan air mani wanita serta kaedah membezakan antara air mani dengan air mazi wanita. Selanjutnya penulis membincangkan pendapat ulama tentang permasalahan khitan bagi wanita. Perbincangan turut memasukkan kelebihan berkhitan dari sudut perubatan. Isu air mani dan air mazi ini penting kerana ia berkaitan sah atau tidaknya ibadah seseorang.

Bab dua pula dimulakan dengan penulis menimbulkan persoalan adakah air wadi dan keputihan itu najis yang boleh membatalkan wuduk? Perbincangan yang dimulakan dengan soalan adalah salah satu variasi dalam pembelajaran supaya ia lebih menarik dan mengajak pembaca berfikir terlebih dahulu supaya lebih bersedia menerima tentang hal yang ingin dibincangkan. Seterusnya penulis membincangkan tentang kentut faraj yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu kentut faraj yang membatalkan wuduk dan kentut faraj yang tidak membatalkan wuduk. Menariknya perbincangan bab ini ditutup dengan teknik senaman Kegel(kemutan) yang disyorkan oleh pakar perubatan untuk menguatkan otot pelvis wanita seperti pada halaman 51.

Sebagai Muslimah, isu berkaitan darah wanita adalah tidak asing lagi. Haid,nifas,istihadah serta cecair lain dari faraj wanita dibincangkan dari sudut fiqh, kemudiannya hal senggugut,menopous dan pendarahan selepas menopous dan lain-lain dibincangkan dari sudut perubatan. Hal ini penting kerana ia bukan sekadar berkaitan fiqh, bahkan ia merupakan isu kesihatan dalam kalangan Muslimah. Kalendar menstruasi tahunan turut dimasukkan pada penghujung bab ini sebagai panduan penggunaan pembaca Muslimah. Bab tiga ini turut menyentuh hal solat jenazah wanita. Namun pengulas berpendapat perkara ini perlu diletakkan pada bab lain seperti isu solat supaya ada kesinambungan di antara sub-sub topik yang dibincangkan.

Pada bab keempat pula, penulis membawakan isu kehamilan, pendarahan, nifas dan keguguran. Hal pertama yang dibincangkan adalah masalah wanita hamil dan pendarahan. Pada umumnya pendarahan boleh menjadi tanda awal kelahiran, walaubagaimanapun terdapat keadaan di mana wanita hamil mengalami pendarahan. Penulis cenderung untuk berpendapat bahawa darah tersebut dikira istihadah dan wanita masih wajib meneruskan solat. Darah yang keluar semasa kehamilan juga ada ketikanya menunjukkan berlaku ancaman keguguran. Penulis turut

mengupas isu kehamilan berisiko serta memuatkan buku panduan bakal ibu yang ditulis pegawai perubatan berjudul *Buku Pink: Cerita-Cerita Ibu Mengandung*. Ini merupakan satu contoh yang baik kerana dengan memperkenalkan bahan rujukan lain menunjuk sikap hormat penulis kepada pihak yang lebih arif dalam bidang tersebut.

Apabila membaca bab kelima, pengulas mendapati penulis peka terhadap persekitaran. Hal ini kerana, selepas perbincangan mengenai kehamilan, penulis menyambung bab kelima dengan membincangkan mitos dan pantang-larang ketika haid dan nifas. Perkara ini penting untuk diketengahkan kerana ia memberi jawapan kepada kaum Hawa yang serba-salah antara mendengar nasihat orang yang lebih berpengalaman atau yang lebih berpengetahuan. Bukan semua maklumat yang diperolehi di sekeliling adalah bertepatan dengan agama dan kesihatan, oleh itu bab ini perlu dibincangkan dengan lebih lanjut. Pada hemat pengulas, cerpen yang dimasukkan pada pertengahan bab ini seperti melawan arus penulisan. Ini adalah satu kelainan tetapi pengulas berpendapat cerpen tersebut kurang sesuai dimasukkan kerana mengganggu perhatian pembaca terhadap isu asal perbincangan.

Pada bab yang keenam penulis membawakan tajuk qada solat. Ini merupakan satu tajuk yang penting untuk dibincangkan dalam kalangan Muslimah. Ramai memahami tentang kewajipan menggantikan puasa Ramadan disebabkan haid, nifas dan disebabkan hamil serta menyusukan anak, tetapi ramai terlepas pandang mengenai bab qada solat. Sebagai contoh, melewat-lewatkan solat sehingga sedar didatangi haid semasa ingin menunaikan solat adalah salah satu keadaan solat yang wajib digantikan. Penulis turut meletakkan jadual kaedah mengetahui sama ada solat perlu diganti atau tidak berpandukan pendapat ulama. Pengulas juga tertarik dengan pendapat yang dipegang oleh penulis yang menyatakan “saya cenderung kepada pendapat majoriti ulama yang mewajibkan qada solat yang ditinggalkan dengan sengaja” yang diutarakan pada halaman 162 berkaitan isu qada’ solat yang ditinggalkan dengan sengaja yang tidak cukup sekadar bertaubat sahaja malahan solat yang ditinggalkan wajib diqada. Pada penghujung bab, penulis turut menyertakan jadual qada solat sebagai panduan kepada pembaca.

Pada bab ketujuh pula satu bab yang sangat sinonim dengan Muslimah iaitu fesyen, mekap dan ikhtilat. Perkara ini berkaitan aurat dan pergaulan seorang Muslimah. Penulis memasukkan ayat al-Quran dan hadis untuk menerangkan tatacara berpakaian yang bertepatan dengan kehendak Islam, antaranya pakaian yang menutup aurat, pakaian yang longgar dan tidak jarang, bukan pakaian kemasyhuran dan kesombongan, pakaian yang tidak menyerupai lelaki dan pakaian yang tidak menyerupai agama lain. Kemudian penulis meletakkan ancaman golongan yang tidak dapat mencium bau syurga berdasarkan hadis Riwayat Muslim iaitu wanita yang berpakaian tetapi seakan-akan telanjang, berlelgang-lengkong serta jauh dari mentaati Allah SWT dan kepala seperti bonggol unta yang senget. Pada penghujung bab, penulis turut menyentuh berkenaan bermekap dan produk kecantikan yang menghalang sahnya solat, serta bahaya bahan terlarang dalam kosmetik dari sudut perubatan. Penulis turut membincangkan hal asas pergaulan lelaki dan wanita beriman dengan menghuraikan maksud ayat 71 Surah al-Taubah: “Orang yang beriman, lelaki dan perempuan sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain. Mereka menyuruh membuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan. Mereka juga mendirikan solat, menunaikan zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah SWT. Bahawasanya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. Selain itu penulis turut memuatkan ilustrasi berkenaan contoh ikhtilat yang dibenarkan dan dilarang sama ada bagi dunia nyata dan dunia maya. Hal ini sangat penting berikutan keadaan masa kini ramai orang berurusan dalam dunia maya.

Apabila pengulas membaca bab kelapan, pengulas mendapati penulis sangat peka dengan perkara yang menjadi persoalan malar segar bagi Muslimah iaitu berkaitan bab puasa. Perbincangan dimulakan dengan pensyariatan puasa sebelum membincangkan soal jawab wanita pada bulan Ramadan. Hukum berkaitan merasa makanan ketika berpuasa, mandi wajib dan wanita hamil yang meninggalkan puasa menurut perbincangan ulama mazhab. Walaubagaimanapun, pengulas melihat persoalan merapatkan saf semasa solat tarawih kurang signifikan dimasukkan dalam bab ini kerana persoalan tentang merapatkan saf semasa solat adalah meliputi semua solat dan tidak terhad untuk solat tarawih sahaja.

Bab terakhir iaitu bab kesembilan dalam buku ini membincangkan hal perkahwinan iaitu tentang monogami dan poligami. Penulis telah membincangkan hal isteri yang bersedia bermadu, perbezaan tahap-tahap cemburu dan cerpen. Pada pendapat pengulas, adalah lebih baik sekiranya bab ini turut membincangkan pensyariatan perkahwinan sebagai pendahuluan, hak dan tanggungjawab suami, isteri dan tanggungjawab bersama baharulah masuk ke topik poligami. Perbincangan juga wajar memuatkan isu berkaitan tip menjadikan rumahtangga sebagai medan untuk meraih pahala dan keberkatan.

Walaupun buku ini baik untuk dijadikan bacaan, tetapi pengulas mencadangkan beberapa perkara yang boleh ditambahbaik. Cadangan pertama, disertakan kod QR yang memuatkan video tazkirah ringkas berkaitan topik yang dibincangkan. Hal ini kerana terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan dan ia tidak dapat ditampung dengan pembacaan sahaja. Jika dilaksanakan, ia adalah satu bonus kerana penulis memanfaatkan teknologi sedia ada dalam mempelbagaikan kaedah menyampaikan ilmu. Pengulas juga mencadangkan supaya buku sebegini mengandungi statistik hasil kajian atau tinjauan yang dilakukan tentang sesuatu isu. Sebagai contoh pada bab toharah, berkenaan air mani, haid, istihadah serta qada solat, penulis boleh berkongsi hasil tinjauan sejauh manakah Muslimah faham tentang hal ini. Ini penting bagi meningkatkan kesedaran Muslimah berkenaan *taharah* Wanita.

Beberapa cadangan yang boleh diketengahkan ialah isu *taharah* yang perlu dijelaskan kepada pesakit dan penjaga kepada pesakit supaya ia tidak menjadi sebab pesakit meninggalkan solat atau solatnya tidak sah atas kecuaiannya hal ini. Selain itu isu fiqh medik antaranya berkaitan rawatan kesuburan dan pencegahan kehamilan juga boleh dimasukkan. Hal ini perlu diberi penjelasan dari sudut agama dan kesihatan agar pengguna tidak ragu-ragu atau tersilap dalam membuat keputusan. Akhir sekali, satu bab bonus dicadangkan ditulis berkaitan isu toharah dalam kehidupan para isteri Rasulullah SAW wanita terdahulu. Ini penting bagi memberi motivasi kepada pembaca supaya teliti bab *taharah* kerana ia mempengaruhi sah atau tidaknya ibadah dan berkaitan kesihatan dalaman dan luaran seseorang.

Pengulas juga melihat percubaan penulis untuk memasukkan cerpen agak janggal kerana ia sedikit mengganggu tumpuan pembaca. Ia seperti iklan komersial yang mengganggu tumpuan penonton dalam menonton klimak perlawanan bola sepak atau telenovela yang sedang ditonton. Namun pengulas tidak menafikan kemungkinan penulis sedang membuat ujikaji dalam mencuba sesuatu yang baharu dalam hal persembahan penulisan. Selain itu, pengulas berpandangan adalah lebih baik jika penulis tidak menampakkan kecenderungan mengambil bahan akhir seperti dapatan dari mantan mufti supaya dapat memberi peluang kepada pembaca bersikap mencari dan meneliti. Sumber asal rujukan juga perlu diletakkan bagi menjaga kredibiliti penulis.

Dari satu sudut yang lain, pengulas juga mencadangkan supaya lebih ramai tokoh dalam bidang ini tampil memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang Fiqh Muslimah. Selain daripada usaha mengadakan kempen dan penerangan secara atas talian, penulisan seperti

ini dapat memberi ilmu, kesedaran serta pencegahan kepada pembaca berkaitan isu fiqh Muslimah dari perspektif agama dan medik yang dihadapi. Kepelbagaian gaya penulisan juga perlu diraikan. Sebagai contoh penulisan berbentuk novel seperti *Denyut Kasih Medik* tulisan Dr Farhan Hadi adalah salah satu gaya yang boleh diketengahkan oleh penulis masa kini. Penulis yang tiada latar belakang medik atau fiqh dicadangkan membuat perancangan rapi sebelum memulakan penulisan termasuk bergabung dengan pakar dalam bidang medik atau fiqh. Penulis buku ini telah melakukan gabungan tersebut. Walau bagaimanapun, penelitian dan penambahan dari sudut persembahan perlu diambilkira.

Kesimpulannya, buku ini adalah sebuah buku yang membuka minda pembaca untuk menekuni Fiqh Muslimah dari perspektif agama dan medik. Ini berikutan dengan perubahan zaman dan perkembangan teknologi, pelbagai isu baharu yang timbul dan mendatangkan tanda tanya kepada orang awam khususnya Muslimah. Kefahaman tentang asas berkaitan Fiqh Muslimah perlu disebarikan supaya golongan Muslimah lebih berhati-hati dalam kehidupan seharian terutama dalam hal yang melibatkan ibadah dan hubungan sesama manusia.

**Siti Rashidah Abd Razak**

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,  
Pusat Pengajian Teras,  
Universiti Islam Selangor (UIS).